

# Kebaya Perlis mampu menawan wanita Malaysia

Judul buku: *Kebaya Perlis: Dulu, Kini dan Selamanya.*

Penulis: Zaharah Elias

Penerbit: Kerajaan Negeri Perlis, Kangar,


Tahun: 2006.

Tebal: 128 halaman.

Pengulas: ZAWIYAH BABA

SIAPA sangka Perlis pun ada kebaya sendiri? Begitulah reaksi saya apabila menerima jemputan untuk menghadiri majlis pelancaran buku *Kebaya Perlis: Dulu, Kini dan Selamanya* yang telah dilancarkan baru-baru ini oleh Raja Permaisuri Agong, Tengku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid. Buku yang diterbitkan oleh kerajaan negeri Perlis, ini merupakan satu kejutan manis bagi kebanyakan wanita Melayu yang bukan dari negeri Perlis kerana tidak menyedari yang Negeri Indera Kayangan ini mempunyai identiti busana tersendiri. Dalam buku *Rupa & Gaya Busana Melayu* (2006) yang boleh dianggap magnum opus Azah Aziz, ikon budaya negara, walaupun kebaya Perlis tidak disebut secara khusus, kebaya labuh dikatakan memang popular di kalangan wanita negeri-negeri tertentu termasuk Perlis.

Cerita bagaimana buku ini dihasilkan agak menarik. Idea untuk mengkaji dan mencari asal usul Kebaya Perlis ini sebenarnya tercetus apabila Tengku Budriah Tengku Ismail, bonda kepada Yang di-Pertuan Agong XII, Tuanku Syed Sirajuddin Ibnu Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, menceritakan bahawa wanita Perlis kebiasaannya me-



makai kebaya labuh yang mempunyai keistimewaannya sendiri ke majlis-majlis istana pada tahun 50-an.

Cerita yang didengar oleh Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin, isteri Menteri Besar Perlis selaku Yang Dipertua Baidunita Perlis pada tahun 2003 telah mengujanya untuk mencari dan menghidupkan semula pakaian beridentiti negeri Perlis yang hampir pupus ditelan zaman.

Usaha ini telah dimulakan dengan menemu bual tokoh wanita yang disebut oleh YMM Tengku Budriah sebagai pemakai dan penyimpan kebaya Perlis sejak zaman lampau. Hasil daripada temu bual ini dan koleksi kebaya Perlis yang kebetulan masih disimpan dengan baik oleh Datin Wan Pidura Wan Din, Datin Aishah Abdullah dan Datin Sharifah Aminah telah meyakinkan Datin Seri

Shamsiah bahawa kebaya Perlis memang telah wujud, menarik dan mudah dipotong dan dijahit. Malah ketiga-tiga tokoh ini bukan sahaja menyumbang koleksi kebaya Perlis yang ada dalam simpanan mereka tetapi juga mampu menunjuk ajar cara memotong dan menjahit kebaya ini. Dengan gabungan kemahiran mereka dan tukang jahit profesional, bengkel memotong dan menjahit kebaya Perlis telah dapat diadakan pada tiga peringkat Parlimen di negeri Perlis. Melalui bengkel ini seramai 90 orang tukang jahit kini mempunyai pengetahuan cara menjahit kebaya Perlis yang boleh dipraktik dan diasah supaya menjadi mahir.

Penulis buku ini, seorang pesara dan bekas pensyarah telah dilantik mengetahui sidang redaksi untuk menjalankan kajian mengenai asal usul kebaya ini dan

merujuk sumber bertulis atau terakam dan menulis mengenai-nya. Hasil kajian telah dapat dibukukan dengan sumbangan penting sejarah lisan dan artifak oleh Datin Wan Pidura, Datin Aishah Abdullah dan Datin Sharifah Aminah. Walau bagaimanapun kajian ini boleh diperluaskan lagi dengan menemu bual wanita lain dari zaman yang sama untuk mendapatkan input daripada orang kebanyakan di negeri Perlis. Dengan bantuan penyelarasan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Muzium Negeri Perlis dan sokongan kerajaan negeri Perlis buku ini telah berjaya diterbitkan.

Buku ini mengandungi lima bab utama iaitu bab pertama mengenai pakaian tradisional wanita Perlis, bab kedua memaparkan kisah menarik kebaya Perlis - menyingkap sejarah Islam, bab ketiga membincangkan jenis kain dan teknik mengajar membuat kebaya Perlis, bab keempat menunjukkan koleksi perhiasan pelengkap penampilan sebagai pelengkap busana, dan akhir sekali bab kelima memperagakan himpunan kebaya Perlis - dahulu, kini dan selamanya. Koleksi kebaya yang pernah dipakai oleh tokoh-tokoh ini pada zaman muda mereka dan masih tersimpan dengan baik menjadi bukti kesahihan dan ketulenan kebaya Perlis. Buku ini boleh dianggap sebagai usaha mendokumentasikan tradisi lisan mengenai suatu aspek budaya Melayu dengan cara yang inovatif dan kreatif bagi memperkayakan koleksi warisan negeri.

Kebaya Perlis berbeza daripada kebaya tradisional lain dari segi

potongannya iaitu pesak, kolar, bahagian hadapan, bahu dan lengan baju. Bagi mereka yang biasa memakai kebaya, perbezaan ini dapat dilihat dalam gambar-gambar yang memperagakan kebaya Perlis di dalam buku ini, serta panduan memotong dan menjahit baju kebaya ini. Kebaya ini sesuai dibuat dari pelbagai macam kain atau fabrik. Kain kasa yang popular pada tahun 50-an dipadankan dengan kain batik, tenun atau pelekat. Terdapat juga kebaya dibuat daripada kain songket bunga tabur yang digunakan untuk upacara rasmi. Busana kebaya labuh ini dihiasi dengan hiasan kerongsang, subang serta hiasan rambut tradisional yang melengkapkan keanggunan pemakainya.

Teks buku ini disediakan dalam bahasa Melayu, tetapi sebahagian besarnya teks disediakan juga dalam bahasa Inggeris. Walaupun ini satu inisiatif yang baik, di sini jugalah terdapat kelemahannya, khususnya dalam teks bahasa Inggeris di mana banyak kesilapan ejaan, pemilihan kata yang tidak serasi dengan subjek, sintaks dan tatabahasa agak ketara. Semakan yang rapi perlu dibuat pada bahagian teks ini jika buku ini diterbitkan semula. Di samping itu juga, penjiilidan buku ini perlu diperkuatkan supaya halamannya tidak berceraai apabila disingkap berulang kali sepertimana lazim dilakukan oleh pembaca.

□ DATUK ZAWIYAH BABA ialah bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara